

**SOALAN NO.: 32**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO**  
**KAWASAN : PUCHONG**  
**TARIKH : 17 MAC 2015, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada ataupun tidak Kerajaan sedia untuk melaksanakan kajian berkenaan masalah trafik yang serius di kawasan Parlimen Puchong khususnya di Taman Equine dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki masalah tersebut.

69

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Equine Park dan Seri Kembangan dijangka akan dapat dikurangkan apabila projek membina persimpangan bertingkat baru yang menghubungkan kawasan tersebut dengan Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX) disiapkan pada akhir tahun 2015.

Sehingga 1 Mac 2015, status kemajuan semasa projek membina persimpangan bertingkat Seri Kembangan ke Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX) telah mencapai kemajuan 65% siap. Projek dengan kos sebanyak RM112 juta itu telah memulakan pembinaan pada bulan Disember 2013 dan ia dijangka siap pada bulan Disember 2015. Apabila siap kelak, ia akan memberi manfaat dan membantu kelancaran trafik kepada lebih 130,000 kenderaan di kawasan Seri Kembangan, termasuk Equine Park.

Sekian. Terima kasih.